



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **TETAP & KONTRAK** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

#### A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	Penolong Pegawai Perubatan	RM 1,797.00	RM 5,753.00
2.	Pengawal Keselamatan	KP11	Pengawal Keselamatan	RM 1,205.00	RM 2,939.00

#### **KUMPULAN PELAKSANA**

##### **PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (U29)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Diploma dalam bidang pembantu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

##### **PENGAWAL KESELAMATAN (KP11)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  
Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf
- (c) (i) setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM 1,205.00); atau  
(ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan

disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik (Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM 1,205.00); dan

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu ;
  - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan diperenggan 1(c)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
  - Kad Pengenalan
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
  - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan
2. Borang yang tidak lengkap **tidak akan diproses**.
3. Hanya pemohon – pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
4. Pemohon – pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

#### **PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati di **Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka** atau boleh juga diperolehi dengan melayari **laman sesawang UiTM Cawangan Melaka** di <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/campuses>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **06 Januari 2022 (Khamis)**

Sila kemukakan permohonan melalui link seperti berikut :  
<https://forms.gle/1UAmGZFPZvirTCwd6>